

KENYATAAN AKHBAR

untuk siaran segera

BANK MUAMALAT SAHUT SERUAN KERAJAAN DAN BANK NEGARA MALAYSIA PERKASA AGENDA KEWANGAN SOSIAL DI SABAH

Terajui program iTEKAD, dikukuhkan dengan kerjasama strategik dan inisiatif Jariah Fund di Karnival Celik Kewangan Tawau

TAWAU, 5 Julai 2025 – Menyahut seruan kerajaan dan Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memperkasa kewangan Islam sebagai pemacu pembangunan sosioekonomi rakyat, Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat) terus memperkuuh peranannya sebagai peneraju kewangan sosial melalui pelaksanaan tiga inisiatif utama sempena **Karnival Celik Kewangan 2025** di Eastern Plaza, Tawau, Sabah.

Komitmen ini dizahirkan menerusi penyerahan sijil penyertaan kepada **16 usahawan mikro terpilih** di bawah program iTEKAD Sabah, pemerintahan **Memorandum Persefahaman (MoU)** bersama **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)**, serta pelancaran kempen pendanaan awam **Jariah Fund “Pek Ikhlas Sabahan”** bersama Yayasan Ikhlas.

Sebagai institusi perbankan Islam yang menerajui pelaksanaan program iTEKAD sejak mula diperkenalkan oleh BNM, Bank Muamalat terus komited untuk memperluas jangkauan kewangan sosialnya ke negeri-negeri yang memerlukan. Di Sabah, 16 usahawan mikro daripada golongan B40 dan asnaf telah disenarai sebagai peserta sulung iTEKAD negeri ini, merangkumi sektor makanan dan minuman serta perkhidmatan gig. Mereka akan menerima **pembentangan mikro dan geran sehingga RM10,000**, latihan keusahawanan tajaan penuh serta pemantauan intensif selama tempoh enam bulan.

Program ini tidak hanya memberi modal dan kemahiran, malah membuka peluang pertumbuhan jangka panjang. Usahawan berprestasi tinggi akan disalurkan kepada skim pembiayaan PKS atau tajaan pensijilan halal, sekali gus membantu mereka menembusi pasaran yang lebih besar.

Dalam usaha memperkuuh literasi kewangan dan daya tahan peserta, Bank Muamalat turut memeterai kerjasama strategik bersama AKPK, agensi di bawah BNM yang berperanan dalam pendidikan kewangan dan pengurusan kredit. Melalui MoU ini, peserta iTEKAD akan dibimbing secara holistik untuk memahami pengurusan bajet, aliran tunai serta kawalan kredit bagi membentuk asas kukuh untuk pembangunan keusahawanan lestari.

Sementara itu, bagi menyantuni komuniti pedalaman yang lebih terkesan dengan jurang sosioekonomi, Bank Muamalat melancarkan kempen pendanaan awam **Jariah Fund “Pek Ikhlas Sabahan”** dengan kerjasama Yayasan Ikhlas. Kempen ini menyasarkan kutipan **RM10,000** daripada orang ramai bagi penyediaan **bakul makanan kepada 100 keluarga asnaf di pedalaman Sabah**, menjadikan Jariah Fund sebagai saluran utama Bank Muamalat dalam menjayakan misi sokongan sosial secara digital, responsif dan inklusif.



Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Muamalat, En. Khairul Kamarudin, berkata: "Kewangan sosial bukan sekadar tanggungjawab korporat, malah ia adalah sebahagian daripada DNA kewangan Islam yang memacu keadilan dan kemajuan bersama. Melalui pelaksanaan program iTEKAD, kerjasama pintar bersama AKPK serta perluasan Jariah Fund ke Sabah, Bank Muamalat terus mendukung agenda nasional seperti Rancangan Malaysia Ke-12 dan Hala Tuju Sabah Maju Jaya, dengan tekad untuk menjadikan kewangan Islam sebagai pamacu kehidupan yang lebih baik."

Bagi memastikan program ini terus memberi impak berpanjangan, Bank Muamalat turut mengatur kerjasama dengan agensi tempatan untuk memperluaskan pasaran peserta, selain merangka laluan penajaan kepada pensijilan halal bagi usahawan yang layak.

Setakat Mei 2025, seramai 3,397 usahawan dari kalangan B40 dan asnaf telah menerima manfaat program iTEKAD Bank Muamalat di seluruh negara, dengan jumlah dana melebihi RM35 juta disalurkan. Selain itu, sebahagian usahawan iTEKAD ini telah menamatkan program pensijilan halal dan produk mereka telah menembusi pasaraya besar. Ini membuktikan kesinambungan dan keberkesanan pendekatan kewangan sosial Islam yang diterapkan.

Dengan pendekatan menyeluruh yang menggabungkan pembiayaan, pendidikan, perlindungan sosial dan sokongan komuniti, Bank Muamalat terus komited untuk memainkan peranan aktif dalam membina ekosistem kewangan yang inklusif dan berdaya tahan."

Untuk maklumat lanjut mengenai iTEKAD dan Jariah Fund, layari www.muamalat.com.my atau hubungi 03-2600 5500.

TAMAT

Sebarang pertanyaan media berkaitan **Bank Muamalat**, sila hubungi:

Mohd Nazrul Hafizi | mohd.nazrul.hafizi@muamalat.com.my | +6017 921 1384
Hawa Ali | siti.norhawa@muamalat.com.my | +6019 239 2077

Mengenai Bank Muamalat Malaysia Berhad (Bank Muamalat)

Bank Muamalat adalah perbankan Islam terkemuka yang komited untuk menyediakan "Kehidupan Lebih Baik, Bersama" dengan penyelesaian kewangan yang inovatif sejarah dengan prinsip Syariah. Dengan dedikasi untuk mencipta perubahan positif dalam industri kewangan dan fokus yang kukuh kepada kepuasan pelanggan, Bank Muamalat menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang disesuaikan untuk individu, perniagaan dan institusi.

